

# PTPTN peruntuk RM3 bilion pinjaman

MM 22/6/08  
M/S 12

JOHOR BAHRU 21 Jun – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memperuntukkan sebanyak RM3 bilion bagi membiayai pinjaman seramai 180,000 penuntut yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) tahun ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, jumlah itu merupakan peningkatan sebanyak 0.7 peratus, berbanding tahun lalu iaitu sebanyak RM2.8 bilion dengan jumlah penuntut 160,000 orang.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 40,000 merupakan penuntut yang memohon untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah.

“Kita juga memberikan pinjaman kepada pelajar yang meneruskan pengajian di peringkat diploma iaitu seramai 30,000 orang.

“Bagi mereka yang memohon memasuki politeknik, matrikulasi, kolej komuniti dan beberapa institusi lain, kita turut memberikan pinjaman yang melibatkan 30,000 pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pem-

berita selepas merasmikan Karnival Pengajian Tinggi Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Khaled berkata, kerajaan turut memberikan subsidi yuran antara 65 hingga 80 peratus kepada pelajar terbabit.

Untuk itu, katanya lagi, pada tahun ini, kerajaan telah memberi subsidi yuran sebanyak RM5.96 juta berbanding RM4.9 juta tahun lalu.

Sementara itu, Khaled memberitahu, pihaknya telah menyusun semula program

kerjaya yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu panduan kerjaya yang melibatkan guru-guru, kaunseling dan pihak-pihak berkaitan.

“Selain itu, kita juga mengadakan promosi secara berterusan mengenai IPTA dan IPTS serta karnival pengajian tinggi seperti yang diadakan hari ini,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut mengambil langkah proaktif dengan meneliti kursus-kursus yang ditawarkan agar sentiasa disesuaikan dengan keperluan serta permintaan industri pasaran pekerjaan.